

AKADEMIKA

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
A Journal of Social Science and Humanities

Bilangan **30** ISSN 0126-5008 Januari **1987**
Number January

Rencana Pengarang/ <i>Editorial</i>	3
“Green Revolution” and Socio-Economic Implications for Rural Communities in Thailand Surichai Wun’ Gaeo	7
Agricultural Modernization and Change in Kinship Organization in Rural Thailand Churairat Chandhamrong	17
Development and Socio-cultural Changes in Rural Malaysia Abdul Hamid Abdullah Rahimah Abdul Aziz & Sulong Mohamad	29
Industrialization, Urbanization and Family Change in Korea Hyup Choi	49
Family and Social Policy in Singapore Anne Wee	59
Ethnicity, Economic Development and Occupational Change in Singapore, 1957 – 1980 Chiew Seen-Kong	73
Technological Change and Socio-economic Conditions in Ayuthaya Preecha Kuwinpant	91
Rural Technologies and Institutions in Indonesia Sayogyo	109
Technological Changes and the Filipino Peasantry Eduardo C. Tadem	119

Rencana Pengarang

Artikel-artikel dalam isu *Akademika* ini dipilih daripada himpunan kertas kerja yang dikemukakan dalam sebuah bengkel serantau yang bertemakan perubahan sosio-budaya yang terhasil daripada pembangunan ekonomi dan kemajuan teknologi. Bengkel ini dianjurkan oleh Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Malaysian National Commission for UNESCO pada bulan Oktober 1982.

Kertas-kertas yang dibaca dan dibincang menumpukan kepada kesan industrialisasi, pambandaran, pembangunan ekonomi, dan kemajuan teknologi di kalangan negara-negara Asean – Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina – dan Korea Selatan. Gerakan sosial dan ekonomi yang berlaku di kalangan masyarakat yang terlibat bukan sahaja telah membawa perubahan sosial dan peningkatan kualiti hidup masyarakat itu tetapi juga telah menyingkap masalah-masalah yang baru.

Di Thailand, beras merupakan sumber pertukaran asing yang utama dan juga sumber pendapatan yang terpenting bagi petani-petani Thai. Surichai Wun'Gaeo membuat analisis ke atas kesan ekonomi dan implikasi sosial "revolusi hijau" itu bagi komuniti luar bandar di Thailand. Beliau mendapati beberapa kelemahan besar dalam perancangan yang dibuat oleh kerajaan. Sebagai contoh, kegagalan kerajaan mengawal harga baja dan bahan kimia pertanian yang lain yang melambung menyebabkan petani-petani sukar memperolehi input moden ini kerana tidak mampu membeli bahan-bahan itu. Ini adalah kerana pendapatan petani-petani adalah kecil disebabkan harga beras yang sentiasa rendah.

Churairat Chandhamrong mendapati modenisasi dalam pertanian telah menghasilkan pola-pola perhubungan 'patron-client' yang baru dalam pekerjaan dan aktiviti pertanian di luar bandar Thailand. Perubahan dalam pola-pola perhubungan sosial daripada satu yang berasaskan persaudaraan kepada 'patron-client' menonjolkan percanggahan nilai yang dihadapi oleh petani-petani Thai.

Kedudukan yang sama, juga terdapat di Malaysia di mana teknologi moden bukan sahaja telah meningkatkan hasil dan pendapatan tetapi, seperti pendapat Abdul Hamid Abdullah, Sulong Mohamad dan Rahimah Aziz, teknologi baru juga telah membawa perubahan dalam suasana sosio-budaya dan politik petani berkenaan. Sebagai contoh, petani-petani

dan nelayan-nelayan telah mulai menghargai wang sebagai upah kepada perkhidmatan yang telah diberi. Ini telah mengurangkan amalan kerjasama secara sukarela berasaskan amalan gotong-royong.

Dari segi pemandaran di Korea Selatan, Hyup Choi memerhatikan bahawa proses industrialisasi dan pemandaran yang cepat telah mengurangkan saiz keluarga, mengubahkan keluarga Korea kepada jenis yang lebih 'conjugal', serta menambahkan kecenderungan kediaman 'neolocal' di kalangan ahli-ahli keluarga. Dari segi nilai dan jangkaan, pekerjaan pertanian dipandang rendah manakala kehidupan di bandar diberi prestij sosial yang lebih tinggi.

Di Singapura, Ann Wee meneliti beberapa tren dalam pola-pola keluarga dalam konteks dasar kependudukan kerajaan masa kini. Chiew Seen-Kong melihat teori pembangunan ekonomi dan penyesuaian komuniti di kalangan orang-orang Melayu dan Cina. Teori ini mengandaikan satu situasi di mana terdapat peningkatan ekonomi yang perlahan. Walau bagaimanapun peningkatan ini lebih cepat bagi kumpulan ekonomi yang dominan.

Di Thailand, Preecha Kuwintant mendapati penerimaan dan penggunaan teknologi moden tidaklah segera menghasilkan pembangunan jangka panjang. Petani-petani menerima perubahan jika hasilnya adalah memuaskan. Walau bagaimanapun masalah sosial dan ekonomi seperti hutang dan sistem sewa tanah perlu diperbaiki jika penggunaan teknologi hendak dilaksanakan dengan jayanya. Di Indonesia, Sayogyo melihat kesan teknologi pertanian ke atas penanaman padi basah, pengeluaran tanaman di tanah bukit dan industri kampung. Nampaknya penanaman padi basah telah menunjukkan beberapa kejayaan.

Seperti dilihat daripada atas, pengenalan teknologi tidaklah menghasilkan kejayaan-kejayaan seperti dijangkakan. Keadaan ini berlaku juga di Filipina di mana Tadem mendapati perubahan teknologi dalam pertanian tidak menguntungkan petani Filipina. Sebaliknya penggunaan teknologi telah memperkukuhkan ketaksamaan dan oleh itu gagal memperbaiki mutu kehidupan petani-petani luar bandar yang miskin.

